

# UMS sedia beri khidmat kepakaran, berikutan kematian 60 ekor penyu

Oleh I.SAB KHAN  
MUKARAB SHAH

48 28.3.2014 A13

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersedia memberi khidmat dan kepakaran dalam membantu kerajaan menangani isu penemuan 60 ekor penyu mati di Pulau Tiga, Kudat yang dipercayai dibunuh untuk tujuan komersil oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Naib Canselor UMS Datuk Dr Harun Abdullah berkata, UMS melalui Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) mempunyai kepakaran dalam penyelidikan spesis haiwan terancam itu.

Beliau telah mengarahkan kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Dr Pushpa M Palaniappan untuk mengadakan pemerhatian lanjut berhubung penemuan berkenaan.

"Sehubungan itu, sebarang kenyataan berhubung perkara berkenaan yang dikeluarkan sebelum ini oleh individu-individu tertentu bukan pandangan rasmi UMS, yang dianggap lebih bersifat peribadi dan tidak melibatkan kumpulan pakar penyelidikan penyu," katanya.

Beliau berkata demikian

kepada media pada sidang akhbar di Bangunan Canselor UMS, di sini kelmarin.

Harun turut melahirkan rasa kecewa terhadap sikap golongan yang kurang berakal itu yang disifatkan lebih mementingkan ketamakan demi keuntungan diri tanpa mengendahkan usaha kerajaan mengekalkan spesis laut yang kian mengalami kepupusan itu.

Dalam pada itu, beliau juga menasihati para kakitangannya agar perkara-perkara penting seumpama itu perlu dimaklumkan kepadanya terlebih dahulu.

"Ini bagi tindakan menghantar pakar membuat penyelidikan dapat dilaksanakan segera bagi mengenal pasti punca sebenar selain meneliti kawasan populasi penyu yang masih boleh diselamatkan."

Untuk rekod katanya, UMS telah memulakan penyelidikan penyu laut di Sabah sejak tahun 1998.

"Antara yang dilaksanakan termasuklah penyelidikan penyu sisik dan hijau di Pulau Mabul."

"Sebanyak 207 penyu hijau dan 21 penyu telah ditandakan sejak penyelidikan dimulakan pada Ogos 2010 di pulau itu," katanya.